

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Nov./Dis.

2 jam

1223/1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. ***Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 15.*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4.** Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang disediakan di halaman 15.*
5. *Ceraikan **kertas** jawapan di **halaman 15** daripada kertas peperiksaan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada **akhir peperiksaan.***

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah



Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan.***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. **Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.**

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Berasa riak dan bangga diri.• Menunjuk-nunjuk kehebatan diri. |
|--|

1 Pernyataan di atas merujuk kepada contoh _____.

- A syirik
- B kufur
- C riddah
- D khurafat

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Meyakini bahawa alam ini terjadi dengan sendirinya.• Hidup bebas tanpa peraturan agama. |
|--|

2 Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A syirik
- B murtad
- C mulhid
- D kufur nikmat

3 Antara yang berikut yang manakah **bukan** keburukan khurafat?

- A Membazir harta, masa dan tenaga.
- B Menjadi malas dan mundur.
- C Mencemarkan imej Islam.
- D Menjadi takbur.

4 Semua yang berikut ialah akibat perbuatan menipu **kecuali**

- A membatalkan iman.
- B dimurkai Allah SWT.
- C memutuskan silaturahim.
- D tidak dipercayai oleh orang lain.

- 5 Kesan kemanisan iman yang dicapai oleh seseorang dapat dinikmati apabila _____.
- A gemar ke masjid
 - B suka menolong orang lain
 - C sentiasa membaca al-Quran
 - D rasa lezat beribadah kepada Allah SWT

Hubungan jenis antara lelaki dengan lelaki.

- 6 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____.
- A qazaf
 - B li'an
 - C liwat
 - D musahaqah
- 7 Ajaran _____ telah diasaskan oleh Hussin Ali al-Mazandarani.
- A Syiah
 - B Bahai
 - C Taslim
 - D Qadyani
- 8 Pilih pernyataan yang **benar** tentang ibadat korban.
- A Sunat dimasak manis.
 - B Wajib dilakukan oleh orang yang bernazar.
 - C Haram dimakan oleh orang yang berkorban.
 - D Harus dilakukan sebelum solat sunat hari raya haji.
- 9 Antara yang berikut yang manakah syarat bagi orang yang mengambil upah haji?
- A Seorang lelaki.
 - B Telah menunaikan ibadah haji.
 - C Waris bagi orang yang mengupah haji.
 - D Mengambil upah haji lebih daripada seorang dalam satu musim.

- Menjauhi maksiat.
- Menjamin kesucian keturunan.
- Merapatkan silaturahim.

- 10 Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah _____.
- A merisik
B pertunangan
C perkahwinan
D walimatulurus
- 11 Antara yang berikut yang manakah hikmah diwajibkan mahar?
- I Tanda kesanggupan suami untuk membina rumahtangga
II Persiapan suami untuk memikul tanggungjawab
III Tanda kasihana suami kepada isteri
IV Bukti kesetiaan suami
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
- 12 Antara yang berikut yang manakah **bukan** rukun li'an?
- A Lafaz
B Suami
C Isteri
D Saksi

Syanizah mengeluarkan kata-kata yang kesat terhadap suaminya.

- 13 Pernyataan di atas merujuk kepada perbuatan _____.
- A dayus
B zihar
C nusyuz
D khuluk

- 14 Antara yang berikut yang manakah **bukan** hikmah diadakan larangan ihram?
- A Melatih umat Islam supaya lebih berdisiplin.
 - B Menggalakkan jemaah haji supaya beribadat bersungguh-sungguh.
 - C Memberi kesedaran kepada jemaah haji supaya menghargai makhluk lain.
 - D Menguji kesabaran manusia dalam menyempurnakan perintah Allah SWT.

- 15 Hukum mengambil anak angkat ialah _____.
- A wajib
 - B sunat
 - C harus
 - D sunat muakad

- Khalifah mempunyai kuasa membuat keputusan.
- Khalifah tidak mendapat hak istimewa mengatasi undang-undang.
- Menyusun pentadbiran Majlis Syura.

- 16 Pernyataan di atas merujuk kepada dasar pentadbiran zaman khalifah _____.
- A Umar bin al-Khattab
 - B Muawiyah bin Abu Sufyan
 - C Abdul Malik bin Marwan
 - D Harun al-Rashid
- 17 Imam al-Syafii rahimahullah digelar 'Bapa Usul Fiqh' kerana
- A penulis pertama dalam bidang ilmu Usul al-Fiqh.
 - B lahir dalam keluarga yang mahir ilmu Usul al-Fiqh.
 - C menthabitkan hukum mengikut kaedah Usul al-Fiqh.
 - D mengembangkan ilmu Usul al-Fiqh dalam mazhabnya.

- Menimbulkan kesedaran untuk berjuang membebaskan tanah air.
- Umat Islam bersatu melalui gagasan 'al-Jamiah al-Islamiah'.


- 18 Pernyataan di atas merujuk kepada kesan islah yang dibawa oleh _____.
- A HAMKA
 - B Rashid Redha
 - C Syah Waliyullah al-Dahlawi
 - D al-Sayid Jamaluddin al-Afghani

- 19 Manakah antara yang berikut amalan berhias diri yang dilarang khusus terhadap lelaki?
- I Memakai emas
 - II Memakai sutera
 - III Membuat tatu pada anggota badan
 - IV Memakai pakaian yang berlawanan jantina
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
- 20 Berikut adalah hikmah beradab dengan Rasulullah SAW **kecuali**
- A dikasihi oleh Allah SWT.
 - B mudah mendapat apa sahaja yang dihajati.
 - C mendorong kita mengamalkan sunahnya.
 - D melahirkan insan beradab sesama makhluk.

Soalan 21 hingga Soalan 30

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 21 Iman menurut istilah bermaksud _____, mengikrarkan dengan lidah dan mengamalkan dengan anggota.



- 22 X dalam rajah di atas ialah _____.


- Berpegang teguh dengan al-Quran dan al-Sunnah.
- Berpegang dengan prinsip salafus soleh.

- 23 Pernyataan di atas ialah prinsip akidah _____.

- 24 Perang jihad ialah peperangan antara orang Islam dengan orang kafir bagi mempertahankan _____ Islam.

- 25 Menuduh perempuan baik melakukan zina tanpa empat orang saksi lelaki yang adil akan menerima hukuman _____ sebatan.


- 26 Anak angkat tidak layak mewarisi harta pusaka tetapi boleh mendapat harta melalui _____.



- 27 Y dalam jadual di atas ialah _____.

- 28 Miqat _____ bagi haji ialah bermula dari 1 Syawal hingga sebelum terbit fajar 10 Zulhijah.

[Lihat halaman sebelah
SULIT



29 Z dalam rajah di atas ialah _____.

30 Apabila isteri berasa tidak sesuai lagi dengan suami dan takut berlaku derhaka terhadapnya, isteri boleh mengemukakan tuntutan _____ melalui mahkamah.

Soalan 31 hingga Soalan 33

Tulis nama khalifah yang betul dalam ruangan jawapan yang disediakan.

Pernyataan di bawah adalah antara ketegasan Khulafa al- Rasyidin.

Pernyataan	Khalifah
Memecat pegawai-pegawai yang kurang cekap dalam pentadbiran.	31 _____
Tidak tunduk dengan golongan pemberontak yang mahu beliau meletak jawatan.	32 _____
Tidak terpengaruh dengan desakan membatalkan Majlis Tahkim.	33 _____

Soalan 34 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 34 Kitab *Fiqh al-Akbar* adalah hasil karya Imam _____.
- 35 Khalifah yang telah menghapuskan cukai jizyah daripada golongan Mawali pada zaman kerajaan Bani Umayyah ialah _____.
- 36 Sebagai khalifah Allah SWT kita wajib memelihara alam sekitar untuk _____ dan keasliannya.
- 37 Suami boleh merujuk isteri yang diceraikan talak _____ dalam tempoh idah.
- 38 Antara ciri tempat rekreasi yang baik ialah tempat yang menyediakan kemudahan fizikal seperti surau, tandas dan _____.
- 39 Hukum memakan mana-mana bahagian anggota binatang yang terpotong tanpa disembelih ialah _____.
- 40 Usaha yang dilakukan dengan seluruh kemampuan untuk menegakkan Islam dan mendapatkan keredaan Allah SWT merupakan pengertian _____.

Bahagian B

[60 markah]

*Jawab tiga soalan.**Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.*

- 1 (a) Nifak ialah berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hatinya kufur kepada Allah SWT.
- (i) Nyatakan **dua** ciri munafik. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan faktor berlakunya perbuatan tersebut. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** akibat perbuatan tersebut terhadap masyarakat. [4 markah]
- (b) Mencuri ialah mengambil hak orang lain secara sembunyi yang disimpan di tempat simpanan tanpa izin.
- (i) Nyatakan hukuman yang telah ditetapkan di dalam al-Quran terhadap perbuatan tersebut. [1 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** kepentingan penetapan hukuman tersebut. [4 markah]
- (c)
- (i) Nyatakan **tiga** ciri ajaran sesat. [3 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** langkah yang boleh diambil untuk menangani ajaran sesat. [4 markah]

- 2 (a) (i) Apakah maksud upah haji? [2 markah]
(ii) Nyatakan **dua** sebab yang mengharuskan upah haji. [2 markah]
(iii) Antara rukun syarikat ialah ahli syarikat.
Nyatakan **dua** syarat sah ahli syarikat. [2 markah]
(iv) Koperasi sekolah antara contoh perkongsian dalam syarikat.
Apakah cadangan anda untuk memajukan koperasi sekolah. [2 markah]

Maksud hadis Rasulullah SAW:
Perempuan itu dikahwini kerana empat perkara iaitu hartanya, keturunannya, kecantikannya dan kerana agamanya. Oleh itu, pilihlah yang beragama, bahagialah engkau.

- (b) (i) Berdasarkan hadis di atas, jelaskan maksud “beragama” bagi seorang isteri. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** alasan keutamaan memilih calon isteri yang beragama. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud idah. [2 markah]

Puan Z merupakan seorang isteri yang kematian suami. Dia sedang mengandung anak keempat dan usia kandungannya tiga bulan. Bekerja sebagai seorang guru tadika dan menyewa rumah berhampiran dengan tadika tempat dia bekerja.

- (ii) Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan **dua** perkara berkaitan idah yang beliau perlu patuhi. [4 markah]

- 3 (a) Khulafa al-Rasyidin telah menubuhkan beberapa jabatan bagi tujuan pengurusan yang lebih teratur yang dikenali sebagai 'al-Diwan'.
- (i) Nyatakan **dua** al-Diwan tersebut. [2 *markah*]
 - (ii) Jelaskan **dua** polisi Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq ketika menjadi khalifah. [4 *markah*]
- (b) Sheikh Tahir Jalaluddin merupakan seorang daripada tokoh pemikir tanah air.
- (i) Nyatakan **dua** mesej islah yang ingin beliau sampaikan kepada masyarakat Islam di Malaysia. [2 *markah*]
 - (ii) Jelaskan sumbangan beliau dalam bidang ilmu dan pemikiran. [2 *markah*]
- Kemudahan awam disediakan bertujuan untuk memberi keselesaan kepada rakyat dalam urusan kehidupan seharian.
- (c) (i) Nyatakan **dua** contoh kemudahan awam. [2 *markah*]
- (ii) Terangkan **dua** kepentingan kemudahan awam kepada individu. [4 *markah*]
- (iii) Huraikan mana-mana **satu** kesan menyalahgunakan kemudahan awam sama ada (a) atau (b).
- (a) aspek ekonomi
 - (b) aspek sosial
- [4 *markah*]

- 4 (a) Kerajaan bani Abbasiah mengalami zaman kemerosotan yang membawa kepada kejatuhan pada zaman al-Wasiq Billah bin al-Muktasim.
- (i) Nyatakan **dua** faktor kejatuhan tersebut. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** iktibar daripada sejarah kemerosotan kerajaan bani Abbasiah. [4 markah]
- (b) (i) Tulis secara ringkas riwayat hidup Imam Abu Hanifah rahimahullah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sumbangan beliau terhadap tamadun Islam. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud negara. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** tanggungjawab adab bernegara. [4 markah]



- (iii) Gambar di atas berkaitan dengan penghayatan kecintaan terhadap negara. Huraikan cara lain yang menunjukkan anda cinta kepada negara. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT